

**TEKS UCAPAN  
YBRS. PROF. Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

Minggu Haluan Siswa TUAH Gemilang (MHS)  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Sesi 2022 / 2023

08 Oktober 2022 (Sabtu)  
Dewan Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## **SALUTASI**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis.

1. **Yang Berhormat Dr. Muhamad Akmal bin Saleh**  
EXCO Kesihatan & Anti Dadah Negeri Melaka;
2. **Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);
3. **Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);
4. **Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

5. Pegawai-pegawai Kanan Universiti;
6. Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM;
7. Jawatankuasa Kerja Minggu Haluan Siswa TUAH Gemilang, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 2022;
8. Wakil media massa;
9. Mahasiswa/i baru Universiti Teknikal Malaysia Melaka;
10. Seterusnya ahli keluarga UTeM yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salam Sejahtera  
Salam Keluarga Malaysia  
Salam Keluarga UTeM

1. Terlebih dahulu marilah bersama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada petang yang mulia ini untuk menjayakan satu program penting, iaitu Majlis Perasmian Minggu Haluan Siswa TUAH Gemilang Sesi 2022/2023 Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang berlangsung mulai 05 – 09 Oktober 2022.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2. Di kesempatan ini, saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti mengalu-alukan serta merakamkan setinggi

penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Muhamad Akmal bin Saleh, EXCO Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Melaka di atas kesudian untuk hadir ke majlis ini. Kehadiran Yang Berhormat amat bermakna dan merupakan penghargaan buat kami semua.

3. Saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada mahasiswa/i yang telah memilih serta berjaya menjadi sebahagian daripada keluarga Universiti Teknikal Malaysia Melaka secara rasminya. Rasa bertuah ini amat penting disedari agar peluang yang diberi ini tidak disia-siakan.

**Yang Berhormat serta keluarga UTeM sekalian,**


4. Sebagai makluman bersama, kemasukan pelajar baru Ijazah Sarjana Muda Sesi I 2022 / 2023 adalah seramai 2,046 pelajar iaitu :

- 385 orang dari Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK),
- 226 orang dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE),
- 169 orang dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK),

- 186 orang dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM),
- 82 orang dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP),
- 379 orang dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT),
- 336 orang dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), serta
- 283 orang dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP).

5. Suka ingin saya maklumkan juga Minggu Haluan Siswa TUAH Gemilang (MHS TG) 2022 ini turut disertai oleh 397 orang pelajar Diploma yang telah mendaftarkan diri bagi


semester khas permulaan pada bulan Ogos yang lepas, dan juga seramai 253 orang pelajar '*Direct Entry*' kemasukan Mac 2022 menjadikan bilangan keseluruhan mahasiswa dan mahasiswi yang berada di dalam dewan pada pagi ini adalah seramai 2,696 orang.



**Hadirin dan Hadirat sekalian,**



6. Mahasiswa dan mahasiswi merupakan kumpulan terbesar dalam mana-mana gedung ilmu. Kumpulan ini menjadi “*unit of analysis*” kepada pencapaian universiti secara keseluruhannya. Pihak universiti sedar terhadap harapan negara agar graduan yang bakal dilahirkan dapat menguasai ilmu dan kemahiran yang tinggi. Fungsi dan tanggungjawab universiti kini telah bertambah apabila perlu memikirkan bagaimana mahu menghasilkan graduan benar - benar berkualiti dan mempunyai kebolehan pasaran yang tinggi.



7. Mahasiswa dan mahasiswi perlu sedar tentang tanggungjawab dan harapan yang disandarkan kepada


mereka dalam meniti ranjau yang penuh cabaran. Untuk memastikan ia menjadi kenyataan, keterampilan sahsiah dan keserjanaan ilmu merupakan persiapan penting dalam mematangkan mahasiswa dan mahasiswi untuk mewarisi kepimpinan dan pembangunan negara di masa hadapan.

8. Oleh yang demikian, saya mengharapkan bahawa mahasiswa dan mahasiswi semua menggunakan peluang yang diberikan ini dengan sebaiknya bagi memastikan kehadiran anda semua di sini berakhir dengan penerimaan segulung ijazah dan penempatan di industri yang terkemuka

bukan sahaja dalam negara, bahkan juga di peringkat antarabangsa.

9. Akhir kata saya sekali lagi merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Muhamad Akmal bin Saleh, EXCO Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Melaka kerana sudi melapangkan masa untuk merasmikan majlis pada hari ini. Kepada Jawatankuasa Pelaksana MHS TG 2022 / 2023, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTeM, barisan Kepimpinan, Fasilitator serta Sukarelawan Pelajar, syabas dan terima kasih atas usaha memastikan program ini berjalan lancar. Kepada seluruh

mahasiswa/i baru, saya doakan semoga maju jaya sepanjang pengajian anda di UTeM.



Indah songket pusaka tradisi,  
Dihias bersama batu suasa;  
Siswa UTeM pewaris tradisi,  
Tunggak pertiwi memacu bangsa.

Sekian,

Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualaikum wbt.

